

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

## Tegur ahli Parlimen merokok

**Seorang** Ahli Parlimen kerajaan, semalam, menegur beberapa wakil rakyat yang masih berdegil merokok di dalam bangunan Parlimen, sedangkan premis itu adalah kawasan larangan merokok.

Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) ketika bangun bertanya soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni, memaklumkan masih terdapat Ahli Parlimen yang merokok di kawasan itu, termasuk di dalam bilik Whip Ahli Parlimen.

Justeru, Poay Tiong mengingati tanggungjawab semua Ahli Parlimen, sama ada kerajaan mahupun pembangkang, supaya menunjukkan contoh baik kepada rakyat dengan mematuhi peraturan dan undang-undang pada setiap masa.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : LOKAL

## SIDANG DEWAN RAKYAT

## ‘Ada YB hisap rokok di Parlimen’

Oleh Ahmad Subael Adnan  
am@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Seorang Ahli Parlimen kerajaan menegur beberapa wakil rakyat yang berdegil apabila masih lagi merokok dalam bangunan Parlimen sedangkan premis itu kawasan larangan merokok.

Ketika bangun bertanyakan soal tambahan kepada **Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman**

**Awang Sauni, Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) (gambar)** memaklumkan, masih ada Ahli Parlimen yang merokok di kawasan itu, termasuk dalam bilik Whip Ahli Parlimen.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan tanggungjawab Ahli Parlimen, sama ada kerajaan atau pembangkang menunjukkan contoh yang baik kepada rakyat dengan mematuhi peraturan dan undang-undang pada setiap masa.

“Saya nak minta perhatian Timbalan Menteri Ke-

sihatan. Kita jangan pergi terlalu jauh, kita tumpu pada bangunan Parlimen ini. Ramai yang masih merokok sungguh pun bangunan Parlimen adalah kawasan larangan rokok. Saya lihat di bilik Whip, ramai yang merokok dalam bilik Whip.

“Saya rasa kita harus tunjuk contoh yang baik. Kita adalah wakil rakyat. Kalau nak merokok, pergi ke luar sana di kawasan dibenarkan merokok,” katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.



## Sasar 90% budak perempuan bawah 15 tahun ambil suntikan HPV

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berusaha memastikan 90 peratus kanak-kanak perempuan berusia 15 tahun ke bawah menerima suntikan vaksin virus papilloma manusia (HPV).

**Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa** berkata, KKM menggariskan tiga matlamat merangkumi liputan vaksin dan saringan kesihatan bagi memastikan Pelan Tindakan Ke Arah Penghapusan Kanser Serviks di Malaysia 2021-2030 mencapai matlamatnya.

“Selain itu, KKM menyar-

kankan untuk memastikan sekurang-kurang 70 peratus liputan saringan bagi wanita berusia 35 dan 45 tahun menggunakan kaedah terkini yang terbukti berkesan secara saintifik, sekurang-kurang dua kali seumur hidup.

“KKM juga menyasarkan sekurang-kurang 90 peratus wanita yang positif mendapat intervensi dan rawatan awal bagi prakanser,” katanya dalam jawapan disampaikan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek yang mewakilinya pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Ra-

kyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan **Syerleena Abdul Rashid (PH-Bukit Bendera)** mengenai prestasi KKM dalam melancarkan aktiviti dan program mencegah kanser serviks, selaras dengan Pelan Tindakan Ke Arah Penghapusan Kanser Serviks di Malaysia 2021-2030.

Fadhlina turut memaklumkan di Dewan Rakyat, beliau mewakili Dr Zaliha berikutan Ahli Parlimen Sekejang, Johor itu perlu menguruskan hal kecemasan berikutan banjir kilat yang

berlaku di kawasanannya.

Katanya, KKM engkalkan polisi suntikan hanya kepada remaja perempuan berusia 13 tahun.

“Bagi wanita dewasa, pencegahan kanser serviks adalah melalui saringan sama ada melalui pap smear atau ujian saringan HPV.

“Selain itu, golongan wanita turut diberi pilihan untuk mengambil vaksinasi HPV di fasiliti kesihatan swasta di mana kesan vaksinasi bergantung kepada umur dan status pendedahan kepada aktiviti seksual,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

### Masih ada YB 'langgar' kawasan larangan merokok

**KUALA LUMPUR** - Ahli Parlimen Kota Melaka, Khoo Poay Tiong menegur sikap segelintir ahli Dewan Rakyat yang didapati masih 'melanggar' larangan merokok dalam bangunan di kawasan Parlimen.

Beliau berkata, tindakan itu bukan sahaja memberi contoh yang tidak baik tetapi turut menyukarkan usaha kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undangan larangan merokok di tempat awam di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 pindaan 2018.

"Kita tidak perlu pergi jauh (untuk kuatkuasakan undang-undang), kita tumpukan bangunan Parlimen sahaja (kerana) kita lihat masih ramai yang merokok, sungguh pun bangunan Parlimen adalah kawasan larangan.

"Saya rasa kita harus menunjukkan satu contoh yang baik kepada semua. Kita adalah wakil rakyat, jadi apakah pandangan daripada Timbalan Menteri tentang usaha yang harus dilakukan.

"Kita harap perokok dapat diberikan kefahaman (supaya) jangan menyusahkan orang lain," katanya di Dewan Rakyat.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Vaksin Covid-19 masih cukup

**PUTRAJAYA:** Kerajaan tidak bercadang membuat pembelian tambahan baharu vaksin Covid-19 buat masa ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah vaksin sedia ada yang dibeli di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) masih mencukupi.

"Buat masa ini jumlah vaksin Covid-19 sedia ada yang dibeli di bawah PICK masih mencukupi.

"Sehubungan dengan itu tiada keperluan untuk kerajaan membuat pembelian vaksin tambahan buat masa ini," katanya di sini semalam.

Nilai keseluruhan perbelanjaan bagi program pemberian vaksin kepada rakyat melalui PICK berjumlah RM5.8 bilion merangkumi RM4.8 bilion disalurkan kepada Kementerian Kesihatan dan RM1 bilion disalurkan kepada Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOS-TI).

Kelmarin, Pharmaniaga Bhd. mencatat kerugian bersih suku tahunan terbesarnya sebanyak RM664.39 juta atau 49.19 sen sesaham pada suku keempat berakhir 31 Disember 2022, akibat kemerosotan nilai RM552.3 juta daripada vaksin Covid-19.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, prestasi Pharmaniaga merosot dengan kerugian bersih RM607.32 juta berbanding RM172.15 juta dalam tempoh sama tahun lalu apabila hasil menguncup 27 peratus kepada RM3.51 bilion daripada RM4.81 bilion.

Menurut MIDF Research, permintaan lebih rendah untuk vaksin Covid-19 disebabkan negara memasuki fasa endemik mengakibatkan hapus kira inventori sekali gus membawa kepada penurunan hasil dan pendapatan tahun kewangan 2022.

Terdahulu, media melaporkan, Pharmaniaga kini terjejas kerana ratusan juta ringgit vaksin tidak terjual dan masih tersimpan di gudangnya.